

Ruj. Kami : ANM.PK.UPA/600-1/1/3 Jld2 ( 1 )  
Tarikh : 18 Oktober 2021

## Semua Ketua Jabatan Persekutuan / Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato' / Datin / Tuan / Puan,

### BULETIN PENGESAHAN BAKI DAN VERIFIKASI ASET BUKAN KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2021

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat JANM.BPOPA.600-1/4/1(27) - *Pengesahan Baki Dan Verifikasi Aset Bukan Kewangan Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun Kewangan 2021* adalah berkaitan .

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato' / Datin / Tuan / Puan, pelaporan kedudukan aset perlu dipastikan betul bagi memastikan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan memberi gambaran benar dan saksama. Tanggungjawab dan akauntabiliti bagi memastikan kedudukan aset hendaklah **dilaksanakan di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTJ) pemilik aset berkenaan.**

3. Sehubungan itu, tindakan pengesahan baki dan verifikasi aset bukan kewangan bagi tahun 2021 hendaklah dilaksanakan **oleh PTJ Dipertanggung** dan melibatkan semua Hartanah, Loji Dan Peralatan (HLP), Aset Tak Ketara (ATK), Aset Pertanian dan Aset Pelaburan. Semua PTJ perlu mengemukakan Laporan pengesahan ke Unit Pengurusan Aset, JANM Negeri Perak secara *hardcopy* dan emel *soft copy* ke [aset\\_prk@anm.gov.my](mailto:aset_prk@anm.gov.my) **selewat-lewatnya 12 November 2021 (Jumaat).** Butiran lanjut seperti berikut:

TINDAKAN	LAPORAN	TARIKH AKHIR SERAHAN
PTJ Dipertanggung	<ol style="list-style-type: none"><li>1. <b>Laporan Baki Aset (LBA)</b> yang telah dikemaskini;</li><li>2. <b>Laporan A1</b> – Laporan Pengesahan Baki Dan Verifikasi Aset Bukan Kewangan;</li><li>3. <b>Laporan A2</b> – Senarai Aset Wujud Tetapi Tiada Dalam LBA;</li><li>4. <b>Laporan A3</b> – Senarai Aset Tidak Wujud Tetapi Ada Di LBA;</li><li>5. <b>Laporan Penjejasan Aset;</b> dan</li><li>6. <b>Templet verifikasi Aset (TVA)</b> – softcopy sahaja</li></ol>	<b>12 November 2021 (Jumaat) sebelum jam 5.00 Petang</b>

4. Untuk makluman, satu sesi taklimat berkenaan perkara ini akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Tarikh /Hari : **21 Oktober 2021 / Khamis**

Masa : **9.30 pagi – 1.00 petang**

Kehadiran : **2 orang setiap PTJ**

Medium : **WEBEX seperti di bawah**

<https://anmkl.webex.com/anmkl/j.php?MTID=meedbb608484fbf21807471c950dcf6e1>

5. Bersama-sama ini dikemukakan panduan dan templet kosong laporan bagi tujuan verifikasi seperti dibawah:

- a. **Lampiran 1** – Panduan Pengesahan Baki dan Verifikasi Aset Bukan Kewangan;
- b. **Lampiran 1A** – Tatacara Pengesahan Baki dan Verifikasi Aset Bukan Kewangan Kerajaan Persekutuan Oleh PTJ;
- c. **Laporan A1** – Laporan Pengesahan Baki Dan Verifikasi Aset Bukan Kewangan;
- d. **Laporan A2** – Senarai Aset Wujud Tetapi Tiada Dalam LBA;
- e. **Laporan A3** – Senarai Aset Tidak Wujud Tetapi Ada Di LBA;
- f. **Lampiran 2** – Carta Tanggungjawab dan Penyerahan Laporan Pengesahan;
- g. **Templet Verifikasi Aset (TVA).**

PTJ juga boleh mengakses semua lampiran seperti dinyatakan di atas termasuk templat berkaitan secara atas talian di pautan seperti di bawah :

[https://drive.google.com/drive/folders/1q5b\\_LKp5wB1FQTbGc2VHhz2MBz8Mi9hy?usp=sharing](https://drive.google.com/drive/folders/1q5b_LKp5wB1FQTbGc2VHhz2MBz8Mi9hy?usp=sharing)

6. Sebarang pertanyaan boleh berhubung dengan pegawai di Unit Pengurusan Aset JANM Perak seperti di **Lampiran 3 – Senarai PIC UPA Perak** atau emel ke [aset\\_prk@anm.gov.my](mailto:aset_prk@anm.gov.my). Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2023"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"**

**UNIT PENGURUSAN ASET  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PERAK**